

Siswa UMT turun padang kongsi pengalaman

Aktifkan
Komuniti Anda!

SH 06/04/08 Pg-T8.

"Kita juga mengharapkan agar aktiviti yang kita jalankan di sini menjadi salah satu saluran untuk berkongsi ilmu pengetahuan dalam kalangan mahasiswa UMT dengan masyarakat kampung dan pelajar, bukan sahaja pada hari ini tetapi juga masa akan datang."

■ AZURA MOHAMAD

ALOR KELADI - Seramai 31 siswa dari Kelab Warisan (Keris) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyertai Program Bakti Siswa dan Anak Angkat Mahasiswa Bersama Masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Besut.

Pengarah program, Mohd. Hafizal Kamaruddin berkata program yang berlangsung selama empat hari tiga malam itu dianjurkan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Besut dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMT.

"Program ini bertujuan merapatkan jalinan ukhwah antara mahasiswa UMT dengan penduduk kampung, pelajar dan pemimpin tempatan selain memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah tentang suasana kehidupan di kampus," katanya kepada *Sinar harian*.

Katanya, kesemua pengisian program menjurus kepada matlamat untuk melahirkan golongan belia yang berwawasan, beriman dan berilmu.

"Kita juga mengharapkan agar aktiviti yang kita jalankan di sini menjadi salah satu



Siswa yang terlibat mendengar taklimat Program Bakti Siswa di Kampung Alor Keladi, Hulu Besut, semalam.

saluran untuk berkongsi ilmu pengetahuan dalam kalangan mahasiswa UMT dengan masyarakat kampung dan pelajar, bukan sahaja pada hari ini te-

tapi juga masa akan datang," katanya

Beliau berkata, antara aktiviti yang akan diadakan sepanjang tempoh kumpulan sis-

wa terbabit berada di situ iaitu gotong-royong membersihkan kubur, ceramah motivasi pelajar sekolah, sukaneka dan solat hajat.